



## SIARAN MEDIA

27 Jun 2024

## SIARAN MEDIA

### **PERKESO ANJUR SEMINAR TEKNIKAL ISSA BERKENAAN KESELAMATAN SOSIAL INDIVIDU BEKERJA SENDIRI, PEKERJA PLATFORM GIG**

**KUALA LUMPUR** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bakal menganjurkan Seminar Teknikal *International Social Security Association* (ISSA) Keselamatan Sosial untuk Individu Bekerja Sendiri dan Pekerja Platform Gig, selama dua hari mulai 27 Ogos depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, seminar yang dijadual berlangsung di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur itu amat signifikan untuk menangani perkembangan dan cabaran global dalam keselamatan sosial, serta evolusi dan kemajuan perlindungan keselamatan sosial meliputi perlindungan bagi individu bekerja sendiri dan platform di Asia Pasifik.

“Inti pati perbincangan pada seminar ini menggariskan pelbagai agenda, termasuk sebagai pemangkin ke arah memperkuuh perundangan keselamatan sosial bagi segmen tenaga kerja yang penting ini.

“Seminar ini akan menghimpunkan pengamal keselamatan sosial, pakar-pakar dan penggubal dasar untuk berkongsi amalan terbaik serta contoh khusus negara luar, selain memupuk pendekatan kolaboratif untuk memajukan sistem keselamatan sosial,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Dr. Azman yang juga Presiden ISSA ke-17 menjelaskan, seminar ini cukup bermakna kerana ia adalah platform strategik untuk pelbagai pihak berkepentingan bertukar pengetahuan dan pengalaman, mengetengahkan pendekatan inovatif dan merencana strategi bagi meningkatkan sistem keselamatan sosial.

“Seminar antarabangsa ini juga bakal dihadiri kira-kira 1,000 peserta dari seluruh dunia untuk memperhalusi lebih 30 topik penting yang memfokuskan pada perkongsian amalan terbaik dan penyelesaian inovatif,” katanya.

Antara topik yang akan dibincangkan ialah Mentransformasi dan Memajukan Perlindungan Keselamatan Sosial Asia Pasifik untuk Individu Bekerja Sendiri dan Pekerja Platform - Amalan Baik; Memperkasa Perlindungan Keselamatan Sosial untuk Individu Bekerja Sendiri dan Pekerja Platform; Pelbagai Pekerjaan Sendiri dan Keselamatan Pekerjaan; Perkembangan Pasaran Buruh dan Jurang Perlindungan Keselamatan Sosial serta lain-lain.

Untuk maklumat lanjut berhubung Seminar Teknikal ISSA berkenaan Keselamatan Sosial Individu Bekerja Sendiri dan Pekerja Platform, sila layari laman sesawang <https://issatech24.perkeso.gov.my>.

TAMAT

###

### **Mengenai ISSA**

Pertubuhan Keselamatan Sosial Atarabangsa (ISSA) diasaskan pada 1927 dibawah naungan Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan hari ini mempunyai lebih 320 ahli institusi dari lebih 160 negara. ISSA ialah organisasi antarabangsa terkemuka di dunia untuk institusi keselamatan sosial, jabatan dan agensi kerajaan. ISSA menggalakkan sistem dan dasar keselamatan sosial yang dinamik di seluruh dunia, menyokong ahlinya dalam reka bentuk dan pelaksanaan penyelesaian keselamatan sosial yang berkesan.

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**27 Jun 2024**  
**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**